

SINAR HARIAN • KHAMIS 21 APRIL 2022

SINAR RAMADAN



23

Tetamu berpeluang mendengar tazkirah sementara menunggu waktu berbuka puasa

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyambut baik Program Iftar Ala Madinah @ Karangkraf yang berlangsung sejak 4 April lalu.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, program seumpama itu merupakan satu strategi yang bagus kerana ia dapat mempromosikan budaya berbuka puasa di Madinah dan Makkah, sekali gus menghidupkan sunnah Rasulullah SAW.

“Saya difahamkan gaya berbuka puasa di sini luar biasa sikit. Kita adakan di tempat yang lebih terbuka untuk berbuka puasa, mendengar tazkirah dan juga ceramah bersama-sama.



Kemerahan berbuka Program Iftar Ala Madinah @ Karangkraf yang diadakan di parkir Kumpulan Karangkraf di Shah Alam.

“Saya ucapkan tahniah kepada Karangkraf kerana mempromosikan budaya di Madinah

dan Makkah.

Pada masa sama, kita juga dapat menghidupkan sunnah Rasulullah SAW, selain mengimarahkan lagi bulan Ramadan,” katanya ketika ditemui di Kumpulan Karangkraf di sini pada Selasa.

Sebelum itu, Angkasa menyumbang sebanyak 300 pak makanan berbuka puasa kepada Sinar Harian untuk diagihkan kepada orang ramai yang hadir menyertai Program Iftar Ala Madinah @ Karangkraf sehingga

29 April ini.

Simbolik penerahan pek makanan berkenaan disampaikan oleh Abdul Fattah kepada Pengerusi Lembaga Pengaruh Kumpulan Karangkraf, Datuk Hussamuddin Yaacob dan Pengurus Tugas-Tugas Khas

Kumpulan Karangkraf, Hashim Anang.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, tidak semua individu mempunyai pengalaman berbuka puasa di Madinah dan Makkah,

terutama generasi muda yang belum berkesempatan menjelaskan kaki ke tanah suci tersebut. “Jadi, dengan adanya program seperti ini, ia sedikit sebanyak dapat memberikan pengalaman lebih bermakna kepada golongan muda,” ujarnya.

Seperti kebiasaan, program berkenaan turut diserikan dengan pengisian tazkirah sementara menunggu waktu berbuka puasa.

Justeru, orang ramai yang berminat untuk turut serta dalam program berbuka puasa ala Madinah ini perlu membuat pengesahan kehadiran jam 10 pagi sehari sebelumnya dengan menghubungi sekretariat di talian 019-213 3315.



Orang ramai bersiap sedia untuk berbuka puasa.



Suasana di pintu masuk Program Iftar Ala Madinah @ Karangkraf.



Abdul Fattah (tengah) menyerahkan simbolik pek makanan kepada Hussamuddin di Kumpulan Karangkraf, Shah Alam pada Selasa.

Perpustakaan Koperasi Malaysia ANGKASA